

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

YBhg. Dato' Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah
Perkhidmatan Awam Malaysia;

YBhg. Dato' Mohd Hashim Abdullah
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;

YBhg. Dato' Abdul Puhat Mat Nayan
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak Darul
Ridzuan;

Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Di Peringkat
Persekutuan dan Negeri;

Pemimpin-Pemimpin Tempatan dan Masyarakat;

YBhg. Tan-Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin,
Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya dapat kita sama-sama berkumpul pada hari ini bersempena Majlis Perasmian Program *My Kampung My Future*, di Kampung Pulau Tiga, Daerah Kampung Gajah, di negeri Perak Darul Ridzuan.

2. Jutaan terima kasih, dan tahniah saya ucapkan kepada semua penduduk kampung yang telah bertungkus lumus dan berganding bahu bersama pegawai-pegawai daripada pihak Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam memastikan kelancaran Perasmian program ini. Saya amat berharap **semangat kesepakatan ini akan diteruskan dan menjadi budaya positif** yang sentiasa diamalkan selalu.

3. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir kerana sudi meluangkan masa untuk bersama-sama memeriahkan majlis pada petang ini.

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM
1MALAYSIA DAN MEMBUDAYAKAN
PENDEKATAN TURUN PADANG

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Pelaksanaan program pada hari ini merupakan satu mekanisme “turun padang”, selaras dengan konsep **“Merakyatkan Perkhidmatan Awam 1Malaysia”** yang telah diperkenalkan sejak saya memegang jawatan Ketua Setiausaha Negara pada bulan Jun tahun lepas.

5. Saya amat **mengalu-alukan pengamalan budaya “turun padang”** oleh ketua-ketua jabatan dan agensi Kerajaan kerana ia adalah peluang yang terbaik untuk:

- **berpeluang mendengar secara langsung masalah yang dihadapi** oleh masyarakat setempat dan mencari jalan penyelesaian yang terbaik;
- **menghebahkan kepada rakyat akan dasar, pendekatan dan program** yang dilaksanakan oleh setiap Kementerian; dan
- **mendengar maklum balas daripada rakyat** yang sememangnya amat berguna dalam **merancang program-program baru** pada masa hadapan untuk manfaat rakyat.

6. Oleh yang demikian, saya menyeru agar ketua-ketua jabatan dan pihak kementerian **turun padang dengan lebih kerap** untuk melihat sendiri dan memahami masalah rakyat. Saya yakin bahawa budaya “turun padang” ini boleh dijadikan satu amalan pro-aktif untuk mendekati rakyat dan mendengar denyut nadi rakyat dengan lebih jelas.

MENERAJUI PERUBAHAN, MELAKAR KEJAYAAN MELALUI PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN

Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati,

7. Program *My Kampung My Future* telah diilhamkan pelaksanaannya melalui pendekatan ***National Blue Ocean Strategy*** (NBOS) atau **Strategi Lautan Biru Kebangsaan**. Pendekatan

ini menitikberatkan pemikiran kreatif dan gerak kerja inovatif dalam memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru kepada rakyat. ***My Kampung My Future*** atau **Kampungku Masa Depan**ku adalah program NBOS yang ke-6 di bawah skop **Transformasi Komuniti di seluruh negara.**

GOLONGAN BELIA PEMACU PEMBANGUNAN NEGARA

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Acap kali kita mendengar frasa ini – **‘belia merupakan aset penting negara.’** Memang benar kerana peranan dan sumbangan golongan belia dalam pembentukan masyarakat dan negara adalah amat penting. Ini kerana, golongan belia bukan sahaja penting dari segi komposisi dan representatif mereka dalam populasi nasional, tetapi juga dari aspek ekonomi dan politik di mana

dari segi ekonomi, golongan belia mewakili lebih daripada **50 peratus daripada populasi produktif** atau golongan yang bekerja di negara ini.

9. Kerajaan sentiasa menghargai dan mengiktiraf peranan serta sumbangan golongan belia dalam pembangunan negara. Kerajaan juga sedar perlunya golongan belia bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti, termasuk ekonomi, kepimpinan dan sosial di semua peringkat, dalam menggerakkan agenda ke arah mencapai negara maju menjelang 2020.

KOMITMEN DAN KEPRIHATINAN KERAJAAN DEMI MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Menyedari kepentingan pembangunan golongan belia dalam pembentukan masyarakat, Kerajaan telah memperkenalkan Program *My Kampung My Future* yang **bermatlamat melahirkan lebih ramai golongan belia yang berkepimpinan dan berpendapatan tinggi** dalam bidang pertanian, industri asas tani dan agri-bisnes yang tinggal di kampung-kampung yang telah dimodenkan di seluruh negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

11. Dalam menghayati keprihatinan Kerajaan, sukacita dimaklumkan bahawa sejumlah **RM1.015** juta telah diperuntukkan pada tahun ini oleh Kerajaan bagi Kampung Pulau Tiga bagi menjayakan pelbagai projek pertanian seperti:

- Penanaman cili melalui fertigasi rakyat;
- Penanaman asam gelugor;

- Pemulihan tanaman limau nipis;
- Ternakan ikan hiasan;
- Program ikan rekreasi;
- Projek ternakan lembu dan padang ragut;
- Pembangunan usahawan industri asas tani seperti kerepek, kuih tradisional dan makanan sejuk beku, kordial, kraftangan seperti labu Tanjung Bidara; serta
- Kursus Kepimpinan Belia.

Seramai **100 usahawan** di kalangan belia akan diwujudkan melalui pelbagai program yang telah dirancang oleh pelbagai Agensi Kerajaan. Selain itu, saya juga dimaklumkan bahawa pihak UiTM Perak juga merancang Kursus Agro-Bisnes dan Pertandingan *Agro Youth Challenge* serta *Agro Youth Ambassador*. Seramai **40 usahawan belia** akan dikenal pasti melalui program ini. Diharapkan agar inisiatif yang disampaikan oleh

pihak Kerajaan ini, akan memberi satu suntikan baru kepada para belia.

12. Ini jelas menunjukkan komitmen kerajaan untuk membangunkan belia dan juga mentransformasi kehidupan masyarakat di luar bandar. Adalah menjadi harapan saya supaya setiap program ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin serta jayanya dan berkesinambungan sehingga generasi akan datang. Sesungguhnya, program yang dianjurkan pada hari ini mencerminkan sinergi atau kesepakatan di peringkat persekutuan dan negeri dalam menghayati **semangat kerjasama** bagi memberi **perkhidmatan terbaik kepada rakyat**.

BANTUAN KEPADA RAKYAT

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

13. Kerajaan melalui MOA pada hari akan

menyampaikan bantuan berbentuk input pertanian kepada para hadirin sekalian. Bantuan yang akan disampaikan mencakupi **anak pokok buah-buahan, baja organik, set alat memancing dan ketuhar pembakar kek serta beberapa barang keperluan harian** seperti beras dan lain-lain. Input-input tersebut telah disumbangkan melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility - CSR*) oleh BERNAS, sebuah syarikat berkaitan Kerajaan.

14. Adalah diharapkan agar bantuan yang diberikan ini akan memberikan satu suntikan baru kepada para hadirin sekalian dalam menceburi sektor pertanian khususnya industri agromakanan, yang seterusnya mampu menjamin bekalan makanan negara yang mencukupi.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

15. Sesungguhnya pelaksanaan Program *My Kampung My Future* berkonsepkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan ini merupakan satu program yang **membantu pembangunan golongan belia luar bandar** dalam pelbagai aspek. Kejayaan program ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama erat pelbagai Kementerian dan Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri serta penduduk kampung sendiri tanpa mengira peringkat umur.

16. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha keras menyumbang tenaga dan idea bagi menjayakan Majlis Perasmian Program *My Kampung My Future*. Adalah diharapkan agar program ini dapat **mengeratkan hubungan**

sesama penduduk kampung dan para pegawai dari pelbagai Kementerian dan Agensi, disamping dapat memberikan pendedahan yang lebih mendalam kepada hadirin sekalian berhubung pelaksanaan Program *My Kampung My Future*.

17. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program *My Kampung My Future*, Kampung Pulau Tiga, Daerah Kampung Gajah, Perak pada hari ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.